

Komanwel puji sikap Asean terhadap isu Kampuchea

SUVA (Fiji), Isnin — Sidang kemuncak 17 negara Komanwel rantau Asia Pasifik yang berakhir di sini hari ini pada keseluruhannya bersetuju dengan sikap Asean mengenai soal campurtangan tentera Vietnam di Kampuchea, walaupun perwakilan India cuba menawarkan pernyataan bersama yang dikeluarkan.

Pernyataan bersama itu menyuarakan kebimbangan semua pihak, terutamanya Malaysia dan Singapura, tentang campur tangan tentera asing di Kampuchea, yang mengakibatkan ketegangan dan keadaan tidak stabil di Asia Tenggara.

Sementara itu, mengulas pernyataan sidang kemuncak itu,

● DARI MUKA 1

Sidang kemuncak itu juga telah membolehkan Perdana Menteri beramah mesra dan berkenal-kenalan dengan para pemimpin yang hadir.

Beliau telah mengadakan rundingan hati ke hati dengan Presiden Bangladesh, Lt. General Ershad, dan Presiden Kepulauan Maldive, Ustaz Maumoon Abdul Gayoom.

Kedua negara itu ingin menjalin hubungan lebih erat dengan Malaysia, dan mendapat kerjasama Malaysia terutamanya di bidang pembangunan dan pelaburan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga telah dijemput melawat ke kedua negara Islam tersebut.

Sepanjang dua hari perundingan tidak rasmi dan berehat di Pacific Harbour, 30 km dari sini, Datuk Seri Dr Mahathir juga berpeluang menemui Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew dan Perdana Menteri Australia, Encik Malcolm Fraser.

Katanya, Singapura ingin meningkatkan lagi kerjasama dua hala dalam bidang pelancongan, sementara Encik Fraser dan beliau bercadang mengkaji semula perkembangan tentang isu-isu yang dibincangkan oleh kedua pemimpin itu semasa lawatan Encik Fraser ke Kuala Lumpur, tidak lama dulu.

Dr. Mahathir berkata, dalam pertemuannya dengan pemimpin-pemimpin negara kecil Lautan Pasifik, Malaysia diajak memainkan peranan yang lebih besar dalam ekonomi rantau itu.

Beliau mengharapkan lebih ramai ahli-ahli perniagaan dari sektor swasta akan meneroka peluang pelaburan di Pasifik Selatan.

Mengenai rombongan ahli-ahli perniagaan swasta seramai lapan orang yang datang bersama Perdana Menteri ke sini, Dr. Mahathir berkata, mereka menyuarakan perasaan optimis tentang hasil lawatan dan perbincangan mereka dengan para pemimpin kerajaan dan ahli-ahli perniagaan di Fiji.

Seorang dari mereka membuat cadangan membuka pejabat di Fiji yang boleh digunakan oleh ahli-ahli perniagaan Malaysia untuk membuat hubungan dengan peniaga-peniaga di rantau ini, kata Dr. Mahathir.

Mengenai lawatan rasmi sehari ke Papua New Guinea, esok, Perdana Menteri berkata, negara itu sangat berminat untuk bekerjasama dengan Asean, terutamanya Malaysia.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie berkata, Asean telah berjaya menyedarkan para pemimpin rantau ini tentang kehadiran tentera Vietnam di Kampuchea.

Penggunaan "Pengembalian Kemerdekaan" menunjukkan bahawa semua negara, termasuk India, menerima hakikat bahawa wilayah Kampuchea diceroboh dan tidak merdeka lagi pada masa sekarang.

India juga dengan sendirinya telah bertukar sikap sejak ucapan Menteri Lurnya Narasimha Rao di Bangsa-bangsa Bersatu, kerana pernyataan bersama yang dikeluarkan hari ini jelas mengiktiraf Kerajaan Campuran Putera Sihanouk.

"Mereka terpaksa menerima hakikat" kata Tan Sri Ghazali.

Beliau tidak begitu bersetuju dengan pandangan Encik Lee bahawa berlaku tawar menawar dengan India.

"Kita tidak menawarkan India apa-apa. Kita tetap dengan pendirian kita yang sudah ditegaskan sebelum ini di berbagai-bagai forum antarabangsa," katanya.

Sidang itu menekankan perlunya dicari penyelesaian politik yang menyeluruh kepada soal itu, berdasarkan pengembalian kemerdekaan, kedaulatan, dan keberkecualian Kampuchea.

Perwakilan India membantah pada mulanya memasukkan suatu ayat dalam pernyataan bersama itu tentang penubuhan Kerajaan Campuran Nasionalis Kampuchea di bawah pimpinan Putera Norodom Sihanouk.

Setelah berunding beberapa hari, akhirnya rujukan kepada Kerajaan Campuran Sihanouk itu dikekalkan, dengan syarat suatu ayat lain yang dicadangkan oleh India dapat dimasukkan juga.

Pengunduran

Hasilnya, di samping mencatatkan penubuhan kerajaan campuran itu, sidang kemuncak itu mencatatkan juga pengumuman Kerajaan Vietnam tentang pengunduran sebahagian dari tenteranya dari Vietnam dan rundingannya dengan negara-negara lain di rantau itu.

Menurut Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew, perwakilan lain yang hadir terpaksa bertolak ansur kerana India payah sekali hendak mengakui penubuhan kerajaan campuran itu tanpa mengemukakan hujah, secara ritual, menyebelahi Vietnam.

Encik Lee berkata, sidang kemuncak tidak dikehendaki mencatatkan pengunduran sebahagian tentera Vietnam yang belum lagi berlaku. Sidang itu semata-mata mencatatkan pengumuman yang dibuat.

Begitulah tawar menawar yang diperlukan untuk mencapai keputusan sebulat suara. Para perwakilan terpaksa menyamakan dan menimbangankan antara hakikat Kerajaan Campuran Kampuchea yang mempunyai kerusi di Bangsa-bangsa Bersatu, dan cerita khayal pengunduran sebahagian tentera dari Kampuchea, ujar Encik Lee.

Walau bagaimanapun, kecuali percubaan India menegakkan benang basah yang disebutkan itu, pernyataan yang telah dipersetujui mencerminkan sikap Malaysia dan Singapura, bagi pihak semua negara Asean yang bukan dalam Komanwel.